



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	2/8/2019	MUKA SURAT	: 4
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Anak panda gergasi kedua diberi nama Yi Yi

KUALA LUMPUR- Anak panda gergasi kedua daripada pasangan panda, Xing Xing dan Liang Liang yang dilahirkan di Malaysia diberi nama Yi Yi yang membawa maksud 'persahabatan'.

Anak panda betina itu yang dilahirkan pada 14 Januari 2018 dipinjamkan Kerajaan China selama 10 tahun kepada Malaysia.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr A Xavier Jayakumar berkata, pihaknya telah memilih nama Yi Yi dengan teliti dan menda-

pat nasihat daripada Persatuan Konservasi Hidupan Liar China.

"Nama Yi Yi dipilih sebagai satu pengiktirafan terhadap persahabatan antara Malaysia dan China yang telah berkembang sejak empat dekad lalu," katanya selepas majlis penamaan anak panda gergasi kedua itu di Zoo Negara di sini semalam.

Anak panda pertama yang dilahir di Malaysia ialah Nuan Nuan pada 23 Ogos 2016 dan dipulangkan pada November 2017.



Yi Yi yang bermaksud persahabatan dipertontonkan kepada pengunjung Zoo Negara semalam.